

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.05.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pihak pengurusan 1MDB hanya berjumpa kali pertama dengan pihak Petrosaudi International Limited pada 23 September 2009, 5 hari sebelum perjanjian 1MDB Petrosaudi Limited ditandatangani di London. Adakah perjanjian ini menerima kelulusan pada ketika itu oleh lembaga pengarah 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perkara yang dibangkitkan oleh YB Petaling Jaya Utara adalah berdasarkan laporan berita oleh sebuah portal yang tidak dapat ditentukan kesahihan sumber beritanya. Oleh itu, perkara ini adalah di bawah peraturan 23(1)(i) Perintah Tetap (*Standing Order*), yang menyatakan bahawa "*a question shall not be asked as to whether statements in the press or of private individuals or financial bodies are accurate*".

Dimaklumkan juga bahawa semua keputusan dan urusan niaga 1MDB dibuat oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB.